



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MALAYSIA TECHLYMPICS 2025 ZON PANTAI TIMUR PERKUKUH MINAT STI DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

KUALA TERENGGANU 12 Ogos 2025 – Malaysia Techlympics 2025 Peringkat Zon Pantai Timur telah membuka tirai dengan penyertaan yang memberangsangkan melibatkan lebih 2,700 peserta daripada 138 buah sekolah seluruh negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Program selama dua (2) hari ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Malaysia Techlympics yang kini memasuki tahun keempat penganjurannya sejak dilancarkan pada tahun 2022, merupakan antara inisiatif utama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) secara menyeluruh dalam kalangan murid, pelajar dan belia di seluruh negara. Penganjuran program ini secara konsisten telah mencatatkan purata penyertaan tahunan hampir 1.4 juta peserta.

Selaras dengan gagasan Malaysia Madani, elemen D iaitu Daya Cipta merupakan antara enam (6) tonggak utama yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri penganjuran program Malaysia Techlympics memberi penekanan kepada kesiapsiagaan negara bagi menghadapi kerancakan industri 4.0 menerusi peningkatan penggunaan teknologi terkini seperti Artificial Intelligence (AI), robotik, automasi, data raya, kecerdasan buatan serta pelbagai lagi perkembangan teknologi digital.

Melalui program Malaysia Techlympics, pelbagai pertandingan yang berteraskan teknologi sohor seperti kecerdasan buatan, Internet kebendaan, dron, pengekodan dan robotik akan dipertandingan di peringkat negeri, zon dan akhir kebangsaan



melibatkan penyertaan daripada para pelajar dan belia yang berusia 7 hingga 30 tahun dalam usaha melahirkan modal insan berteraskan STI.

Bermula Jun lalu, Malaysia Techlympics dilaksanakan secara hibrid – gabungan fizikal dan dalam talian – bagi memperluas capaian penyertaan serta melibatkan komuniti setempat dalam pembangunan STI negara. Ianya selaras dengan aspirasi Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030 yang menggariskan pelaksanaan program pembudayaan STI secara inklusif dan bersepadu.

Dalam ucapannya, YB Timbalan Menteri MOSTI menyatakan bahawa Techlympics berperanan penting dalam membentuk budaya STI yang holistik menerusi pendekatan *experiential learning*, aktiviti berasaskan amali serta pertandingan interaktif yang merentasi pelbagai latar belakang dan peringkat umur.

Matlamat utama Malaysia Techlympics adalah untuk membentuk budaya STI yang holistik melalui kaedah *experiential learning*, aktiviti berasaskan amali (*hands-on*), serta pertandingan yang bersifat interaktif dan inklusif merentasi pelbagai peringkat umur, jantina dan latar belakang.

Tumpuan turut diberikan untuk mencungkil bakat dan cetusan inovasi dalam kalangan pelajar dari peringkat sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi yang berpotensi dalam bidang teknologi terkini dan berimpak tinggi

MOSTI turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak, khususnya Kerajaan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, Pusat Sains & Kreativiti Terengganu serta rakan-rakan strategik dari pelbagai agensi dan industri. Pelaksanaan program Malaysia Techlympics secara tidak langsung memperkukuhkan jaringan kerjasama semua pihak dalam menjayakan agenda negara berteraskan STI.

Malaysia Techlympics terus membuktikan keberkesanannya sebagai platform yang bukan sahaja mencungkil bakat, malah menjana cetusan inovasi yang mampu melonjakkan Malaysia ke persada teknologi global.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.techlympics.my

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
12 OGOS 2025

